

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA  
[ BAKRI ]**

**TARIKH : 11 JUN 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan rumah yang dibina mengikut pecahan projek PR1MA, rumah kos rendah, rumah mampu milik, mengikut daerah dalam negeri Johor setiap tahun dari 2010 hingga kini.

**JAWAPAN: YB DATO'SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 16,671 unit rumah untuk dibina di sekitar negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak tiga (3) buah projek yang melibatkan 1,960 unit rumah telah dimulakan pembinaannya manakala projek-projek lain sedang berada dalam pelbagai fasa perancangan. Secara amnya, kediaman jenis strata mengambil masa selama tiga (3) tahun untuk disiapkan manakala kediaman jenis bertanah pula mengambil masa selama dua (2) tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut menyediakan pelbagai kategori rumah di negeri Johor antara tahun 2010 – 2015. Secara keseluruhannya, sebanyak 85,376 unit rumah mampu milik telah dibina oleh KPKT. Selain itu, sebanyak 1,170 unit rumah telah disiapkan di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di negeri Johor. Manakala sebanyak 1,634 unit rumah kos rendah dan 4,751 unit rumah kos sederhana rendah telah dibina di pelbagai lokasi di negeri tersebut.

Sekian. Terima kasih.